

**TEKS PERBAHASAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022**  
**PENGGAL PERTAMA**

**Penekanan Terhadap Kepentingan Inisiatif**

**“Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang serta Bandar Pintar”**

Penekanan Terhadap Kepentingan Inisiatif “Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang serta Bandar Pintar” Terima kasih saya mengucapkan Yang Berhormat Dato’ Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, para pemberita, tuan-tuan dan puan-puan dikasihi sekalian. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersidang di dewan mulia ini. Demi kesejahteraan dan kelestarian penduduk negeri Pulau Pinang, saya ingin memberi beberapa penekanan terhadap kepentingan inisiatif “Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang serta Bandar Pintar”. Pertama, dalam dunia yang semakin terhubung berikutan kemajuan teknologi, Pulau Pinang perlu menerima Industri 4.0 dan teknologi baharu untuk terus maju dan relevan. Sekiranya pandemik Covid-19 telah mengajar kita, itu adalah pentingnya teknologi dalam memastikan orang ramai sentiasa terhubung walaupun seluruh dunia diletakkan di bawah perintah berkurung selama berminggu-minggu dan berbulan-bulan.

Justeru, bagi melahirkan sebuah masyarakat yang sihat dan cergas atau Healthier Penang, MBPP perlu meneruskan melaksanakan beberapa program rekreasi dan kesihatan dalam masa yang terdekat seperti berikut:

1. Musical Street Busking Competition di Upper Penang Road
2. The Penang Little Street Market
3. Larian Keamanan MBPP/SCI
4. Occupy Beach Street
5. Pertandingan Catur Dalam Taman
6. Graffiti in The Park
7. Senamrobik 2 Jam

Tujuan diadakan program ini ialah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai perihal pentingnya menghijaukan Pulau Pinang di samping menjaga pokok-pokok yang sedia ada kerana ianya akan memberi impak kehijauan serta dapat mengurangkan *Carbon Footprint* untuk bandar kita. Sehubungan itu marilah kita berganding bahu dan memastikan matlamat serta hasrat kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadikan Pulau Pinang lebih Bersih, Selamat, Hijau dan Sihat akan tercapai dan juga dapat meningkatkan lagi tahap ceria/bahagia/happiness penduduk Pulau Pinang

**Suthasan A/L Paramesvaran**  
**N24 Kebun Bunga**  
**Sidang Muda 2022 Penggal Pertama**

